

GPMS boleh bantu rancang strategi bimbing anak muda

KUALA LUMPUR 17 Okt. - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) boleh membantu kerajaan merancang pelbagai strategi serta memberikan idea untuk membantu meningkatkan pencapaian anak-anak muda Melayu.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Najib Tun Razak** berkata, perkara tersebut amat penting bagi memastikan anak-anak muda Melayu tidak ketinggalan dalam berhadapan dengan gelombang globalisasi.

Beliau berkata, budaya bergantung kepada kerajaan juga harus ditransformasikan kepada budaya kreatif dan berdikari yang tinggi untuk lebih berjaya.

“Kerajaan sentiasa mempunyai komitmen yang tinggi untuk terus memperkasakan agenda orang Melayu dan GPMS sangat terkenal dengan kelas bimbingan yang menjadi satu kegiatan tradisi yang telah memberi manfaat dan berjasa kepada masyarakat.

“Jadi, saya berharap agar GPMS terus memperkasakan kembali kelas bimbingannya supaya menjadi medan untuk memupuk kesedaran, malah dapat membantu keluarga berpendapatan rendah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

merasmikan Persidangan Agung Tahunan GPMS Kali Ke-61 dan Sidang Kemuncak Pemimpin Muda 2015 di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid. Yang turut hadir Ahli Dewan Negara, Tan Sri Mohd. Ali Rustam; Penasihat Khas GPMS Singapura, Datuk Abdul Halim Kader; Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Fauzi Ramlan dan Presiden GPMS, Jais Abdul Karim.

Perdana Menteri berkata, GPMS juga tidak boleh berlegar dalam kelompok sendiri serta perlu mendampingi anak muda bagi memastikan mereka kekal relevan.

Sementara itu, **Jais** menyarankan kerajaan agar segera memperkasakan sekolah kebangsaan bagi kemajuan dan kemakmuran negara pada masa akan datang.

Beliau berkata, sistem pendidikan berteraskan prinsip 1Malaysia itu perlu diperkasakan dengan mengumpulkan kesemua tujuh aliran pendidikan di bawah satu bumbung.

Jais turut mengumumkan pelantikan Zambri Md. Isa sebagai Presiden GPMS yang baharu bagi menggantikan beliau yang telah berkhidmat dengan GPMS selama 22 tahun.